



## RELEVANCE OF THE IMPLEMENTATION OF EDUCATION WAKAF AND THE EFFECTIVENESS OF LEARNING IN PUBLIC HIGHER LEARNING INSTITUTION

### RELEVANSI PELAKSANAAN WAKAF PENDIDIKAN DAN KEBERKESANAN PEMBELAJARAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA)

RAIS YASIN

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Email: [raisyasin@gmail.com](mailto:raisyasin@gmail.com)

SAYUTI AB GHANI

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Email: [sayuti\\_70@yahoo.com](mailto:sayuti_70@yahoo.com)

NUR AMNI SYAFIQAH SAUFE

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Email: [amnisyafiqah@outlook.com](mailto:amnisyafiqah@outlook.com)

REDWAN YASIN

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Email: [redwan@upnm.edu.my](mailto:redwan@upnm.edu.my)

#### A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 13<sup>TH</sup> FEB. 2023; REVISED – 16<sup>TH</sup> MAR. 2023; ACCEPTED – 17<sup>TH</sup> MAR. 2023)

#### ABSTRACT

The effectiveness of learning is an important matter in an educational institution. Some things that need to be emphasized in creating the effectiveness of learning in the university whether it involves internal or external factors. This study is focused on how waqf instruments in education can bring learning effectiveness in Public Higher Education Institutions (IPTA) in Malaysia. Qualitative research is used to prove the relevance of the implementation of educational waqf in IPTA by using documentation methods through library research to prove that educational waqf is very relevant to the current economic situation that requires financial support factors for the effectiveness of studies at universities. Next,

education waqf also contributes to the reduction of government expenditure and financial allocations on educational institutions.

**Keywords:** Wakaf; education; finance; university.

## ABSTRAK

Keberkesanan pembelajaran merupakan perkara penting dalam sesebuah institusi pendidikan. Beberapa perkara yang perlu diberi penekanan dalam mewujudkan keberkesanan pembelajaran di universiti sama ada ia melibatkan faktor dalaman mahupun luaran. Kajian ini adalah tertumpu bagaimana instrumen wakaf dalam pendidikan mampu membawa keberkesanan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam(IPTA) di Malaysia. Kajian kualitatif digunakan dalam membuktikan relevan pelaksanaan wakaf pendidikan di IPTA dengan menggunakan kaedah dokumentasi menerusi kajian perpustakaan bagi membuktikan wakaf pendidikan amat relevan dengan keadaan ekonomi semasa yang memerlukan faktor sokongan kewangan bagi keberkesanan pengajian di universiti. Seterusnya, wakaf pendidikan juga menjadi penyumbang kepada pengurangan perbelanjaan dan peruntukan kewangan kerajaan ke atas institusi pendidikan.

**Kata Kunci:** Wakaf, pendidikan, kewangan, universiti.

## PENDAHULUAN

Kecemerlangan pendidikan yang dikaitkan dengan keboleh pasaran graduan di institusi pengajian tinggi sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Semua seharusnya bertanggungjawab dalam memastikan kecemerlangan ini tercapai dan seterusnya mengangkat martabat sesebuah universiti. Walau bagaimanapun, salah satu perkara yang penting yang menjadi pemungkin dalam memastikan kecemerlangan pendidikan di universiti ialah kemampuan dan keupayaan kewangan sama ada pada universiti mahupun pelajar. Tidak dinafikan, kecemerlangan pengajian di universiti adalah bergantung kepada dua unsur penting iaitu sokongan kewangan dan persediaan mental para pelajar. Kedua-dua ini perlu diselimbangkan agar semua pelajar lebih cemerlang dalam peringkat pengajian mereka di universiti yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Perkara ini adalah bersesuaian dengan matlamat pendidikan adalah untuk membangunkan kesemua aspek diri manusia secara harmonis dan seimbang agar kesepadan fitrah diri manusia terpelihara (Mohd Yunus et al., 2010). Pendidikan yang menyeluruh, berkualiti mampu menghasilkan insan yang seimbang dan cemerlang sama ada dunia mahupun akhirat.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Akhir-akhir ini ramai yang memperkatakan tentang institusi wakaf dan peranannya dalam kesuraman ekonomi semasa. Tanpa dinafikan, wakaf adalah antara salah satu instrumen dalam memperkuatkan ekonomi masyarakat Islam sama ada dalam pendidikan, kesihatan maupun pertahanan. Wakaf merupakan salah satu ibadah yang amat dituntut dalam Islam yang mempunyai peranan besar dalam pembangunan dan pengukuhan struktur ekonomi maupun sosial umat Islam. Tidak ketinggalan juga peranan wakaf dalam struktur dan kecemerlangan pendidikan sama ada di peringkat bawah maupun di peringkat tinggi. Dalam institusi pendidikan pelaksanaan wakaf pendidikan amat relevan dan salah satu perkara penting yang harus ditekankan dalam memperkuatkan kewangan universiti ialah menerusi instrumen wakaf.

Di peringkat pengajian tinggi khasnya di universiti, wakaf mampu menjadi penyumbang dan penyokong kepada kewangan dalam memperkasakan pendidikan dan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dalam mencapai hasrat kecemerlangan pengajaran, maka sesebuah universiti harus mencari jalan dalam memperkuatkan dan memperkasakan pengurusan tabung wakaf di universiti masing-masing. Perkara ini adalah seajar dengan perkembangan institusi wakaf pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam yang melihat instrumen wakaf mampu menjadi alat bagi membantu golongan pelajar yang memerlukan sokongan kewangan.

Wakaf dalam bidang pendidikan adalah pelaburan penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan sejarah telah membuktikan bahawa amalan wakaf dalam bidang pendidikan melahirkan institusi-institusi pengajaran yang berkekalan untuk melahirkan tokoh ulama terkenal. Antaranya Universiti Cordova di Andalus dan Universiti Al-Azhar di Mesir (Azman, 2019).

Universiti ini merupakan gedung ilmu yang telah berjaya melahirkan puluhan ribu cendekiawan Islam yang telah kembali kepada masyarakat untuk menabur bakti. Wakaf al-Azhar ini merupakan sebuah model institusi wakaf yang amat berjaya dan mempunyai dana yang amat besar dalam sejarah pendidikan yang berteraskan wakaf. Dari sudut pembangunan pendidikan, wakaf merupakan instrumen yang sangat besar peranannya dalam memberi sumbangan kepada pembinaan dan perkembangan institusi pendidikan dalam dunia Islam. Institusi pendidikan Islam yang berteraskan wakaf ini terbukti mampu bertahan hingga ratusan tahun lamanya berkat sistem ekonomi berteraskan wakaf yang diamalkan (Mohtar et al., 2015). Justeru itu, dengan adanya pemerkasaan dan pelan tindakan yang sistematik terhadap pengurusan wakaf pendidikan di universiti ianya mampu menzahir keupayaan kewangan dan kecemerlangan pendidikan di Malaysia.

Sejarah telah membuktikan bahawa institusi pendidikan pada awal perkembangan di negara adalah menerusi sumbangan masyarakat Islam seperti sedekah serta amalan berwakaf. Pada ketika itu tumpuan sumbangan sama ada sedekah mahupun wakaf adalah dalam mempergiatkan dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti pendidikan keagamaan. Kesedaran ini juga membawa kepada kepentingan amalan wakaf dan perkembangan pendidikan. Peranan wakaf dan pendidikan telah dinyatakan oleh Mohtar (2015), iaitu wakaf menyediakan peluang pendidikan secara lebih menyeluruh kepada semua pelajar melalui penubuhan sekolah, madrasah dan universiti. Antara institusi pendidikan berteraskan wakaf yang sering bermula di bibir umat Islam seluruh dunia ialah seperti berikut:

- 1) Madrasah Nizamiyah, Iraq
- 2) Madrasah al-Nuriyah, Damsyik, Syiria.
- 3) Jamiah/Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir

Malaysia tidak ketinggalan mengenai perkembangan pendidikan menerusi instrumen wakaf dan ia menjadi salah satu tulang belakang kepada penubuhan dan perkembangan pendidikan di negara ini. Perkara ini dibuktikan dengan terdapat banyak institusi pendidikan yang didirikan pada peringkat awal adalah hasil daripada sumbangan individu mahupun masyarakat melibatkan diri dalam melakukan amalan kebajikan. Kebanyakan institusi pendidikan yang berteraskan wakaf ini adalah berteraskan kebajikan menerusi pembinaan seperti masjid, surau, sekolah pondok, madrasah dan juga lebih kepada amalan-amalan kebajikan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Mohtar et al., (2015) telah menyatakan bahawa masyarakat Islam di Malaysia sememangnya telah melibatkan diri dalam amal kebajikan berbentuk wakaf sebelum negara ini merdeka lagi. Ia merupakan sebahagian dari amalan kehidupan masyarakat Melayu dahulu kala khususnya sebelum kedatangan penjajah barat ke Tanah Melayu. Antara bentuk harta yang selalu diwakafkan oleh orang Melayu dan tujuannya ialah:

- 1) tanah untuk didirikan surau atau masjid.
- 2) tanah untuk didirikan sekolah agama atau lebih dikenali sebagai pondok.
- 3) tanah untuk kegunaan khairat kematian umat Islam.
- 4) harta kekayaan lain seperti emas dan perak serta wang tunai untuk kegunaan pembangunan surau, masjid, sekolah pondok dan lain-lain.
- 5) tanah sawah, kebun dan dusun yang mengeluarkan hasil dan digunakan untuk membantu pembangunan surau, masjid, sekolah pondok dan lain-lain

Secara umumnya kefahaman dan penglibatan amalan berwakaf yang berlaku dalam pendidikan ini adalah bertitik tolak daripada penghayatan salah satu firman Allah SWT surah al-Baqarah, ayat 261 yang bermaksud;

*“Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipat gandakan bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha luas, Maha Mengetahui”*

Melalui saranan ayat di atas menjadi asas kepada umat Islam mengambil kesempatan di atas ganjaran yang telah di sediakan oleh Allah SWT kepada umatnya melakukan sedekah termasuk amalan berwakaf dan akhirnya kita melihat institusi pendidikan yang berteraskan wakaf ini terus berkembang dari dahulu sehingga sekarang. Wakaf pendidikan berperanan penting dalam membangunkan institusi pendidikan di Malaysia. Wakaf pendidikan dijalankan bertujuan untuk membantu meringankan beban pelajar dari segi wang perbelanjaan, penempatan, keperluan harian dan buku-buku rujukan. Selain itu, wakaf pendidikan diwujudkan untuk membentuk dana berterusan tanpa terlalu bergantung kepada dana yang diberikan oleh kerajaan serta kelancaran pembangunan ekonomi terutama dalam bidang pendidikan. Konsep wakaf pendidikan yang diketengahkan adalah lebih kepada meringankan bebanan kewangan pelajar dan kesamarataan dalam menuntut ilmu (Mohd Mizan et al., 2015). Gabungan antara wakaf dan pendidikan ini mampu memacu institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan dalam masa yang sama ianya memberi rangsangan kepada pelajar dalam meningkatkan kecemerlangan pengajian mereka di universiti.

## **SEJARAH DAN PERKEMBANGAN WAKAF PENDIDIKAN**

Perkembangan institusi wakaf adalah berkait rapat dengan penghayatan dan amalan keagamaan yang dituntut dalam ajaran agama Islam. Sejarah peradaban Islam telah membuktikan bahawa peranan wakaf yang begitu signifikan terhadap pembinaan peradaban sertakekayaan milik umat Islam di seluruh dunia semenjak zaman Nabi Muhammad SAW sehingga hari ini. Sejak dahulu lagi, institusi wakaf berperanan dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan sosial seperti pembinaan infrastruktur untuk kegunaan masyarakat seperti hospital, masjid, rumah kebajikan anak-anak yatim dan orang tua serta penyediaan bekalan air, dan juga untuk kegunaan aktiviti keagamaan seperti tanah kubur pembinaan masjid, madrasah dan sekolah agama. Wakaf juga berperanan membentuk diri setiap Muslim itu untuk memahami dan menyelami kehidupan

umat Islam yang lebih memerlukan kehidupan yang lebih baik, malah menjadikan diri untuk lebih sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki (Radin Anis Adlina et al., 2017). Perkara yang sama juga telah dinyatakan oleh Mafuzza & Noor Syahida (2014) iaitu wakaf pendidikan di Malaysia telah berkembang dengan penubuhan madrasah-madrasah dan kemudian wujudnya sekolah agama rakyat yang bermula di sekolah pondok. Penubuhan dan pembinaan institusi pendidikan tinggi (IPT) melalui konsep wakaf yang bermentorkan dari universiti-universiti terkenal dunia seperti Universiti al-Fateh, Turki, Universitilal- Qarawiyinldi Fez, Moroko, dan Universitilal-Azhar, Mesir (Siti Mohd Syakir et al., 2017). Terdapat beberapa negeri di Malaysia yang menunjukkan kejayaan dalam mengamal wakaf pendidikan sejak sebelum zaman kemerdekaan lagi sehingga kini iaitu Perak, Selangor, Johor, Terengganu dan Kedah. (Mokhtar et al., 2015).

Begitu juga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara terus mengorak langkah ke hadapan dalam memperkasakan wakaf pendidikan di universiti masing-masing. Berdasarkan penulisan Najibah & Mohd Zamro (2014) telah menyatakan wakaf pendidikan semakin meningkat dengan penubuhan tabung Wakaf Pendidikan di beberapa IPT di Malaysia seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan banyak lagi IPT yang lain turut membentuk tabung Wakaf pendidikan. Antara universiti-universiti awam yang terdapat di Kuala Lumpur yang mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP) bagi menubuhkan pusat wakaf masing-masing ialah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia(UPNM), Universiti Malaya(UM), Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur(UTM). Perkara ini menggambarkan keprihatinan Majlis Agama Islam Negeri dalam memaju perkembangan wakaf pendidikan di universiti.

Perkembangan wakaf pendidikan di negara ini seharusnya dijadikan platform bagi semua universiti memperkembangkan dana wakaf masing-masing bagi tujuan membantu golongan pelajar yang memerlukan bantuan sama ada dalam bentuk kewangan, peralatan pembelajaran dan sebagainya. Perkara ini mampu mengurang kemiskinan dikalangan pelajar universiti yang memerlukan sokongan kewangan terutamanya apabila mereka berada di pusat pengajian di bandar-badar besar seperti Kuala Lumpur. Terbukti Universiti Malaya (UM) mengenal pasti kira-kira 1,000 mahasiswanya tergolong dalam kategori miskin tegar dinamakan BL40 yang ditakrif universiti itu sebagai isi rumah berpendapatan RM1,000 ke bawah sebulan. Mereka terpaksa mengikat perut dengan cuma makan sekali sehari, kerap berpuasa dan bergantung kepada sebuku roti untuk dua hari akibatkekangan kewangan. daripada 14,000 mahasiswa di UM, kira-kira 6,500 pelajar terdiri daripada golongan B40, antara 4,000 hingga

4,500 lagi dalam kategori isi rumah berpendapatan pertengahan (M40), manakala 2,000 lagi berpendapatan tinggi (T20). (Berita Harian: 2019). Pendedahan ini memberi gambaran bahawa pelajar-pelajar universiti perlu kepada sokongan kewangan sama ada daripada kerajaan, pihak universiti dan orang ramai bagi kesinambungan dan kecemerlangan pengajian mereka di universiti.

Oleh itu, pemerkasaan wakaf pendidikan di setiap universiti adalah bertetapan dengan suasana ekonomi yang tidak menentu. Tambahannya lagi wakaf pendidikan di IPT boleh ditingkatkan lagi dengan jayanya dengan pengurusan dana yang baik dan urus tadbir yang berkesan. Dengan adanya Wakaf pendidikan membantu dalam pengurangan dana kerajaan. Hal ini merujuk kepada belanjawan pada tahun 2016 telah menunjukkan bahawa terdapat penurunan terendah diantara tahun 2010-2016 apabila hanya menerima 5.0% bagi pengajian tinggi (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015). Dengan penurunan ini menunjukkan bahawa wakaf pendidikan berkesan untuk mengurangkan bebanan dalam aspek pendidikan. Dengan penubuhan tabung wakaf di IPT ini bukan sahaja mampu menjana kewangan universiti malah ianya mampu mengurangkan bebanan peruntukan kerajaan dalam pendidikan yang sentiasa meningkat dari semasa ke semasa dengan kata lain wakaf pendidikan ini mampu menjadi salah satu instrumen yang amat penting di ketika sesuatu perkara yang tidak disangka-sangka berlaku pada negara mahupun dunia.

### **RELEVANSI PELAKSANAAN WAKAF PENDIDIKAN**

Semua universiti awam di negara ini mendapat peruntukan kerajaan dalam pengoperasian di universiti. Dalam Bajet 2022 yang bertemakan 'Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera', KPT telah diperuntukkan sebanyak RM14.5 bilion, meliputi perbelanjaan mengurus berjumlah RM11.5 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM3 bilion. Peruntukan RM15.1 bilion kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bajet 2023, membuktikan keprihatinan kerajaan mengekalkan institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai pelaburan terbaik bagi membina masa depan pelajar (Berita Harian, 2022). Walau bagaimanapun peruntukan ini secara umumnya ada melibatkan perbelanjaan pengurusan dan pelajar di universiti.

Secara umumnya, perbelanjaan pendidikan terbahagi kepada dua iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Perbelanjaan mengurus merujuk kepada pembayaran gaji, elaun, bayaran utiliti dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan pembangunan pula bertujuan untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Pendidikan dan latihan merupakan salah satu komponen utama dalam pembangunan sumber manusia yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pekerja. Ia juga merupakan proses pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran dan produktiviti mereka.

Faktor pendidikan boleh diukur melalui kadar celik huruf, tahun bersekolah individu, purata tahun bersekolah, perbelanjaan pendidikan, dan kadar enrolmen. Sistem pendidikan harus mampu memenuhi kehendak komersial dan industri, dan boleh menghasilkan tenaga kerja yang berupaya dan bersifat inovatif, produktif dan berkemahiran (Hasnah, 2009). Hal ini menggambarkan bahawa perbelanjaan pendidikan merupakan satu pelaburan jangka panjang yang memerlukan peruntukan yang besar dan perkembangan pendidikan harus selari dengan peredaran teknologi.

Lantaran itu, pelbagai persoalan timbul dari pelaksanaan wakaf pendidikan di IPT, antaranya adakah kita hanya mampu melihat peningkatan setiap tahun peruntukan pihak kerajaan bagi keperluan pendidikan negara dan keduanya ialah apakah peranan yang seharusnya dimainkan oleh masyarakat khasnya institusi pendidikan membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan beban kewangan bagi pembiayaan pendidikan? Semuanya akan terjawab sekiranya institusi pendidikan di Malaysia begitu serius dalam menubuhkan dan melaksanakan wakaf pendidikan. Wakaf pendidikan atau Institusi pendidikan wakaf adalah berbeza dengan institusi-institusi kebajikan yang lain kerana wakaf pendidikan ialah sebuah organisasi atau institusi yang ditubuhkan melalui sumbangan masyarakat Islam atau dibina atas tanah atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan pendidikan Islam. Matlamat utamanya ialah untuk mendapat keredhaan Allah SWT, di samping melahirkan masyarakat Islam yang soleh, mukmin dan muttaqin. (Ahmad Zaki, 2008).

Pelaksanaan wakaf pendidikan di IPT sentiasa relevan masa kini dan akan datang. Perkara ini adalah berdasarkan suasana ekonomi dunia yang tidak menentu memberi kesan kepada semua institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat tinggi. Keadaan ini membuktikan semua institusi pendidikan di negara ini perlu merangka strategi dalam mengurangkan bebanan kerajaan dalam pendidikan. Ini kerana, pendidikan adalah unsur yang penting dalam meningkatkan kemajuan negara dan ianya merupakan pelaburan jangka panjang bagi sesebuah negara. Dengan adanya pendidikan yang berkualiti, akan terhasilnya modal insan yang berkualiti, tenaga kerja yang cekap dan institusi pendidikan yang lebih berkesan. Oleh itu, wakaf pendidikan menjadi salah satu instrumen jangka panjang yang boleh meningkatkan tahap pendidikan negara. Dengan adanya wakaf pendidikan, ia bukan sahaja dapat menuju ke arah negara maju, bahkan ia dapat menghasilkan golongan masyarakat yang berpengetahuan tinggi dalam aktiviti wakaf dan gemar menceburi aktiviti wakaf ini. Amalan ini bukan sahaja dapat memberi faedah kepada institusi, bahkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat untuk bersama dalam membantu meningkatkan tahap pendidikan dan tahap pembangunan negara (Norizan, 2013).

Dalam memperkasakan pelaksanaan wakaf pendidikan di IPT secara holistik, pelbagai perkara perlu diperkemaskan terutamanya dari sudut pengurusan dan pentadbiran. Ini kerana pengurusan yang cekap dalam pelbagai aspek adalah sangat penting dalam institusi wakaf. Pengurusan tenaga pakar, pengurusan pentadbiran dan pengurusan pemasaran merupakan faktor utama penyumbang kepada pembangunan harta pendidikan di Malaysia. (Ahmad Zaki et al., 2008). Mohd Afendi et al., (2009) mencadangkan wakaf pendidikan perlu dihadiri oleh golongan yang mempunyai “*mental skill*” dan bukan “*job skill*” iaitu keikhlasan, kejujuran, amanah, tanggungjawab, kesungguhan dan menghayati nilai yang diamalkan. Perkara perlu diberi perhatian sewajarnya kerana amalan dan pengurusan wakaf perlu ada nilai yang sepadan dengan nilai-nilai Islam dan perlu diterapkan pada setiap pentadbir wakaf.

Isu seterusnya cabaran dalam pelaksanaan wakaf pendidikan ialah kefahaman fahaman. Isu kefahaman wakaf ini bukan sahaja berlaku dikalangan masyarakat Islam malah juga berlaku dikalangan pelajar. Perlu diketahui ibadah wakaf berbeza dengan amalan kehartaan yang lain seperti zakat, sedekah dan sebagainya. Wakaf adalah amalan menyerahkan harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk kegunaan umum masyarakat dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh sebab itu, wakaf pendidikan menerusi wakaf tunai contohnya memerlukan masa yang lama untuk diagihkan manfaat kepada mereka yang memerlukan. Seterusnya pihak pengurusan perlu memahami dan mengenal pasti pelajar yang kurang berkemampuan bagi menyalurkan bantuan dari segi wang perbelanjaan, keperluan harian, buku-buku rujukan dan lain-lain daripada wakaf pendidikan di universiti. Seterusnya, pihak pengurusan perlu memfokuskan keperluan utama yang diperlukan oleh pelajar semasa tempoh pembelajaran sama ada keperluan kewangan, kesihatan dan kebajikan sepanjang tempoh pembelajaran pelajar serta keberkesanan pembelajaran pelajar daripada bantuan yang diterima.

Oleh sebab itu, pihak pengurusan wakaf pendidikan dan pihak pengurusan hal-ehwal pelajar perlu berhubung dan berbincang dalam menyelesaikan masalah kebajikan yang melibatkan pelajar universiti. Menurut Aishah & Waheeha (2019), wang adalah elemen yang penting bagi keperluan semua manusia terutama mahasiswa. Dengan wang yang mencukupi dapat memudahkan masyarakat dalam melakukan transaksi ekonomi. Jika wang tidak mencukupi ianya akan menyukarkan masyarakat dalam memenuhi perkhidmatan dan keperluan yang mereka kehendaki. Berdasarkan kajian dil Amerika Syarikat mendapati pelajar yang mempunyai sumber kewangan yang cukup akan menaikkan prestasi akademik dan fokus dalam pelajaran. Hal demikian kerana, pelajar yang tidak mempunyai masalah kewangan dapat memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran (Terry Saenz et al., 1999). Keperluan kewangan

sepanjang tempoh pembelajaran di IPT adalah amat tinggi daripada peringkat sekolah. Kos pembelajaran yang semakin meningkat amat membebankan mahasiswa yang kurang berkemampuan di mana ianya meningkat akibat peningkatan gaya hidup dan kos sara hidup yang semakin meningkat di Malaysia (Jusoh & Mohd Noor, 1998).

Peningkatan kos pengajian dan kos sara hidup di universiti adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Terdapat pelbagai perkara yang perlu diambil kira berkenaan dengan isu kos sara hidup pelajar di kampus dengan cabaran ekonomi masa kini. Perbelanjaan untuk perkara asas dalam kehidupan seperti makan dan minum, sewa rumah atau kolej, dan pengangkutan untuk ke kuliah merupakan antara perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh para pelajar. Bagi membayai perbelanjaan ini, kebanyakan pelajar universiti mendapatkan pinjaman daripada badan-badan tertentu seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu, bagi pelajar yang cemerlang, mereka mungkin menerima bantuan daripada pihak-pihak tertentu termasuk kerajaan, yayasan negeri dan organisasi-organisasi swasta.

Malah, terdapat juga segelintir pelajar yang dibiayai sendiri oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Selain daripada itu tekanan pendidikan kini adalah terarah kepada pendidikan alaf baru yang memerlukan teknologi terkini seperti kemudahan komputer riba, internet dan sebagainya sedikit sebanyak menambah beban dikalangan pelajar di universiti yang kurang berkemampuan. Keadaan ketidakcukupan pendapatan ini seringkali mendorong para pelajar untuk mencari pekerjaan sambilan bagi menambahkan pendapatan mereka (AMIR ASYRAF, 2018). Di sinilah objektif penubuhan tabung wakaf di IPT untuk membantu dan mengurangkan bebanan dan tekanan hidup yang mampu mengganggu kecemerlangan pengajian di universiti. Selain itu, sejak kebelakangan ini kebanyakan masyarakat menyatakan tentang peningkatan kos sara hidup pelajar sama ada di bandar ataupun di luar bandar (Norain, 2019). Kesannya dalam mengurangkan beban sara hidup di universiti, terdapat segelintir pelajar terpaksa bekerja sambilan untuk mendapatkan wang perbelanjaan harian dan pada masa sama mereka perlu menyiapkan kesemua tugas yang diberikan oleh pensyarah. Perkara ini sudah pasti menjelaskan landasan asal bagi setiap pelajar universiti yang harus memberi tumpuan kepada pengajian bukannya mencari pekerjaan.

Berdasarkan kajian dari Siti Alida (2007), yang bertujuan mengkaji keperluan perbelanjaan pelajar di institusi pengajian tinggi awam. Seramai 1200 responden yang terdiri daripada pelajar dari institusi pengajian tinggi (IPT) yang sedang menjalani pengajian peringkat ijazah pertama sepenuh masa. Kajian mendapati keputusan ujian *t* menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kedua jantina responden lelaki dan perempuan dari segi perbelanjaan mereka

dalam tempoh pembelajaran. Anggaran perbelanjaan kos pengajian bagi setiap pelajar adalah (RM 2,480) setiap semester dengan minimum RM 1,440 dan maksimum RM 3,890 bagi setiap pelajar. Oleh itu, jika pelajar mempunyai keperluan kewangan adalah amat penting kerana jika pelajar mempunyai masalah kewangan akan menjadikan proses pembelajaran. Hipotesis disahkan bahawa faktor keperluan Kewangan mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan terhadap Keberkesanan Pembelajaran. Perkara ini disokong oleh Noraini et al., (2019), menjelaskan mengenai terdapat hubungan keperluan kewangan terhadap keberkesanan pembelajaran atau dalam kajian dikenali sebagai prestasi pelajar. Kajian telah mendapati bahawa terdapat hubungan antara dua boleh ubah tersebut. Hasil kajian yang dijalankan (32.9%) dari keseluruhan responden mempunyai masalah kekangan kewangan utama manakala (84%) menyatakan bahawa sumber kewangan yang diperolehi bagi setiap semester adalah tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga menjadikan prestasi pelajar dalam pembelajaran.

## KESIMPULAN

Tidak perlu di nafikan lagi bahawa wakaf mempunyai peranan yang besar dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Ianya selaras dengan dasar Islam yang meletakkan umat Islam yang seimbang dari sudut kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, amat wajar institusi wakaf pada hari perlu diangkat sebagai satu agenda penting bagi pentadbiran kerajaan. Di samping itu juga, kesedaran masyarakat Islam perlu dipertingkatkan lagi semoga setiap individu Islam mempunyai rasa tanggungjawab kepada umat Islam yang lain dalam melakukan amalan kebajikan. Salah satu wakaf yang banyak diperkatakan sejak akhir-akhir ini ialah wakaf pendidikan, ianya merupakan salah satu perkara yang amat signifikan dengan keadaan ekonomi semasa, yang perlu kepada sokongan kewangan atau sumber yang mencukupi dalam merentas arus yang mencabar dalam institusi pendidikan. Justeru itu, pemerkasaan wakaf pendidikan ini sudah tentu mampu membawa kepada keberkesanan pengajian dan pendidikan sama ada mereka berada di peringkat pengajian tinggi atau di peringkat pengajian yang lain. Oleh itu, sokongan kewangan yang mencukupi amat diperlukan bagi melahirkan umat Islam yang berkualiti dalam pendidikan masa kini.

## PENGHARGAAN

Penghargaan kepada pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi atas kerjasama kajian ini serta bantuan sokongan geran penyelidikan iaitu kod kajian: FRGS/1/2021/SSO/UPNM/02/6.

## RUJUKAN

- Azman Ab Rahmani, Muhamad Firdaus Ab Rahmanii & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi (2019), Model Institusi Pendidikan Melalui Sinergi Dana Wakaf Dan Zakat Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research, Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Special Edition* 16(2).
- Ahmad Zaki Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzadi Mohd Daud, 2008. *Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*. Edisi pertama. Selangor : UiTM.
- Aishah Abdul Rahman & Waheeha Zulkifly. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85-94.
- Amir Asyraf Husni Nizad, Rubayah Yakob, Mohd Hafizuddin Syah Bangaan Abdullah & Roziana Baharin (2018), Indeks Sara Hidup Pelajar: Kajian Kes di Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC). *Jurnal Personalia Pelajar*. 11-18.
- Berita Harian, Selasa, (27 Disember 2022).  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1010040/>
- Hasnah Ali, Luqman Ahmad, Sanep Ahmad & Noraziah Ali (2009). *Keperluan, Kepentingan Dan Sumbangan Perancangan Pendidikan Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia* Volume 4, Number 1, 13-29, 2009. ISSN: 1823-884x
- Mafuzza binti Salleh & Noor Syahida binti Abdul Rahman. (2014). 034 Wakaf Pendidikan di Malaysia: Satu Tinjauan. *International Research Management and Innovation Conference*, 670-683.
- Najibah Mustafar & Mohd Zamro Muda. (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 45-57.
- Mohd Mizan Mohammad Aslam, Wan Mohd Dhaiyudeen & Helmy Wan Mohar (2015). Kelestarian program akademik dan kewangan dalam pengajian tinggi Islam. *Journal Of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*. 1(1): 1-6.
- Mohd Yunus Sharum, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Mohd Rohaizat Abd Wahab & Mat Rofa Ismail. (2010). Formal Properties and Characteristics of Malay Rhythmic Reduplication. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*. 8(0): 750-756.
- Muhsin Nor Paizin. (2014). Fadilat Mengeluarkan Zakat Dan Sedekah Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadith Rasulullah S.A.W. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 8(2): 1–11.
- Othman, Norziah & Othman, Norfaizah & Falina, Hazlin & Pengurusan, Fakulti & Muamalah, Dan & Kolej, Universiti & Islam, Antarabangsa & Selangor, & Kajang, Malaysia & Pengarang, (2021). Keciciran Pelajar Di

- Peringkat Pendidikan Tinggi: Punca Dan Penyelesaiannya (Dropouts In Higher Education: Causes And Solutions). 3. 738-747.
- Mokthar Hj. Ismail, Mohd. Isa Mohd. Deni, Muna binti Sulaiman Hairullfazli bin Muhammad Som (2015). *Proceedings of the International Conference on Waqf 2015* (ICW2015), Universiti Sultan ZainalAbidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu
- Norain Mod Asri, Norlaila Abu Bakar, Iman Athira Laili & Suhaila Saad. (2019). Masalah Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa, *Jurnal Personalia Pelajar*, 113-120.
- Norizan Hassan, Aisyah Abdul Rahman, Zaleha Yazid (2013). Pengurusan Dan Pembangunan Wakaf Pendidikan: Kajian Kes Di Selangor 1st International Conference on Islamic Wealth Management (2013) 386-406ISBN: 978-979-9152-02-2
- Radin Anis Adlina Radin Hasbani, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Mohamad Sabri bin Haron (2017). Peranan Wakaf Dan Cinta Kemanusiaan Untuk Kesejahteraan. *Sains Insani* 2017,2(2), 127-134.
- Siti Alida John Abdullah & Fatimah Wati Ibrahim. (2007). Memenuhi keperluan pelajar universiti Awam Malaysia: Aspek Pendapatan dan Perbelanjaan. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, Vol. 3, 50-60.
- Jusoh, M & Mohd Noor, Z. (1998). Inflasi dan Ukuran Kos Sara Hidup: Implikasi terhadap Golongan Berpendapatan Rendah. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 1. Penerbit Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, UPM.
- Terry Saenz et. al, (1999). The Relationship Between College Experience and Academic Performance Among Minority Students. *The International Journal Of Educational Management* 13, No. 4, 201-202.